

MUNGKIN HILANG LEBIH AWAL

Kali terakhir telefon bimbit milik Zalina dikesan aktif pada 20 November tahun lalu

Shah Alam

Kali terakhir telefon bimbit bekas pembaca berita TV3, Zalina Azman dikesan aktif adalah pada 20 November tahun lalu iaitu empat hari sebelum anak lelakinya cuba membuat panggilan kepadanya.

Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, menerusi semakan dan siasatan dibuat, pihak polis

berpendapat berkemungkinan Zalina hilang lebih awal daripada tarikh dilaporkan.

“Kalau anaknya tidak cuba telefon, kita pun tidak tahu dia hilang. Berkemungkinan Zalina telah hilang lebih awal, tapi tidaklah awal sangat sebab kita sudah semak dan pada 20 November 2021 didapati

telefonnya dimatikan (tiada rekod panggilan keluar atau masuk). Sama ada ke-

rana (telefon bimbit) sudah habis bateri, itu kita tidak dapat pastikan,” katanya ketika melakukan lawatan di rumah wanita berusia 58 tahun

itu bersama Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

“
Kalau anaknya tidak cuba telefon, kita pun tidak tahu dia hilang
Mohd Iqbal

(Bernama) Senator Datuk Ras Adiba Radzi semalam.

Mohd Iqbal berkata, keadaan rumah Zalina yang didapati tidak tersusun adalah disebabkan kediaman itu sedang dalam proses pengubahsuaian untuk menjadi sebuah galeri.

Sementara itu, dalam kenyataannya, beliau berkata polis kini sedang mengesan pekerja yang pernah melakukan kerja pengubahsuaian bagi membantu siasatan kes kehilangan itu.



ZALINA

Shah Alam: Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Senator Datuk Ras Adiba Radzi akan mendapatkan kerjasama daripada syarikat e-hailing bagi membantu usaha pencarian rakan baiknya Zalina Azman yang hilang.

“Saya bersama suami dan beberapa sahabat ada berusaha dengan cara tersendiri bagi mencari Zal (Zalina Azman). Selepas ini saya akan bersama syarikat e-hailing untuk menguar-uarkan kehilangannya,” katanya.

Beliau ditemui ketika melakukan lawatan ke rumah Zalina di Seksyen 3 di sini, bersama Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisiner Mohd Iqbal Ibrahim.

“Saya datang hari ini (semalam) nak periksa sekiranya Zal ada pulang, tetapi ternyata rumah ini sama seperti yang mereka jumpa tahun lalu. Saya akan terus berdoa beliau masih selamat di luar sana,” katanya.

Ras Adiba berkata, beliau ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam pagi semalam bagi memberikan sedikit informasi kepada pihak polis berkenaan wanita berusia 58 tahun itu dan ber-



RAS ADIBA (kiri) tidak akan berhenti mencari Zalina.

Mohon kerjasama syarikat e-hailing cari rakan baik

harap sahabat yang lain dapat juga memberi kerjasama berhubung kehilangan bekas rakan sekerja di TV3 itu.

“Ramai yang cakap sudah terlalu lama (hilang) tapi bukan mudah untuk dapatkan jawapannya. Tapi dengan sokongan semua, Insyallah kita akan dapat sedikit

maklumat di mana Zalina berada dan bagaimana keadaannya.

“Sejak saya kenal dia dari awal 90-an, beliau tidak ada sakit apa-apa. Memang sentiasa gembira tapi kita boleh lihat daripada gambar-gambar yang dikongsikan nampak badannya susut.

“Jadi ramai yang tanya sakit apa, adakah dia dalam kekusaran tapi saya kata tidak tahu sebab saya pun dah lama tak bertemu beliau seperti sahabat yang lain. Jadi mereka yang prihatin di luar sana bantulah sama-sama mencari Zalina Azman,” katanya.

KPWKM guna media sosial bantu kesan Zalina

Shah Alam: Platform media sosial Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan digunakan bagi membantu membuat hebahan mengenai kehilangan bekas pembaca berita stesen televisyen TV3, Zalina Shaharah Azman atau lebih di-

kenali sebagai Zalina Azman.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Harun berkata, pihaknya akan bersama-sama membantu menguar-uarkan perkara itu melalui semua platform media sosial kementerian.

Rina berkata, pihaknya turut bersimpati dengan kehilangan personaliti televisyen itu sejak November tahun lalu.

“Kita mengenali beliau sebagai pembaca berita sebelum ini, siapa yang tidak kenal. Saya simpati dan berdoa agar beliau dapat ditemui

dalam keadaan selamat.

“Saya lihat banyak juga badan bukan kerajaan (NGO), Datuk Ras Adiba Radzi pun turut sama membantu untuk mencari beliau,” katanya selepas Persidangan Meja Bulat Wanita Bangkit 2022 di sini, semalam.

Beliau turut berharap ke-

Polis cari pekerja ubah suai rumah

Shah Alam: Polis masih meneruskan usaha mengesan pekerja-pekerja yang dipercayai menjalankan kerja pengubahsuaian kediaman bekas personaliti TV3, Zalina Azman yang dilaporkan hilang bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisiner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, setakat ini seramai enam individu diambil keterangan membabitkan ahli keluarga Zalina.

“Enam ahli keluarga (diambil keterangan) selepas laporan polis dibuat (bagi membantu siasatan).

“Bagaimanapun, (polis) masih menjalankan siasatan dan mengesan pekerja pengubahsuaian kediaman terbabit,” katanya.

Dalam tinjauan warta-

wan di Jalan Ketiau, Seksyen 3 di sini Selasa lalu mendapati keadaan rumah seperti sudah lama ditinggalkan manakala pagar rumah kelihatan belum siap dibina.

Pemilik pusat tahfiz yang berjiran dengan rumah Zalina, Mohammad Bokhari Shariff, 76 berkata, kerja pengubahsuaian kediaman itu terhenti beberapa bulan sebelum kehilangannya.

“Saya lihat rumah itu sedang melalui proses ubah suai seakan-akan untuk dijadikan pejabat tetapi proses itu terhenti beberapa bulan sebelum kehilangannya tahun lalu.

“Saya mengetahui mengenai kehilangannya selepas polis datang menemui saya untuk mendapatkan maklumat,” katanya.



Saya harap, sebagai masyarakat Malaysia selepas berita ini disiarkan...bila jalan lihatlah kiri dan kanan”

Rina

luarga bekas pembaca berita itu tidak berputus asa dan terus tabah serta cekat mencari beliau.

“Saya harap, sebagai masyarakat Malaysia selepas berita ini disiarkan...bila ja-

lan lihatlah kiri dan kanan,” katanya.

Kelmarin, Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisiner Mohd Iqbal Ibrahim dilapor berkata Zalina Shaharah, 58, dipercayai masih berada dalam negara susulan tiada pergerakan keluar membabitkan wanita itu yang dikesan pihak berkuasa setakat ini.

Isnin lalu, Mohd Iqbal dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menerima laporan daripada anak lelaki Zalina Shaharah, Mikhael Norman, 33, berkenaan kehilangan ibunya pada 29 November tahun lalu.